

Pemilihan 45 calon MPP

SERDANG – Seramai 26,990 mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) yang layak mengundi akan memilih 45 ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) pada Pemilihan MPP UPM, 28 November ini.

Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP 2013, Prof. Dr. Mohd Shatar Sabran berkata, pemilihan berdasarkan 11 calon kawasan umum dan 34 calon kawasan fakulti.

Menurutnya, penamaan calon akan dibuat pada 20 November ini manakala kempen dibenarkan selama empat hari bermula 24 November.

“Pembuangan undi di enam lokasi bermula pada jam 9 pagi hingga 4 petang di Kampus Serdang dan Kampus Bintulu, Sarawak menggunakan sistem e-undi melalui komputer.

“Keputusan akan diumumkan pada hari yang sama, diikuti dengan sesi-sesi lain mengikut langkah-langkah yang ditetapkan sebelum pengisytiharan rasmi calon yang berjaya,” katanya.

Beliau yang juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni berkata, calon yang berjaya akan diisytiharkan secara rasmi melalui Papan Notis Rasmi Universiti (Kolej 13 dan Kolej Sri Rajang) dan tempat lain sekitar universiti.

Pelaksanaan proses MPP adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Universiti Putra Malaysia (Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar) 2011 di mana calon yang berjaya di dalam Pemilihan MPP akan membentuk MPP 2013/14.